



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN DAYA GUNA AWAM

KENYATAAN MEDIA

HARI KETIGA LAWATAN YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM KE FASILITI INFRA BEKALAN AIR DAN TENAGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 21 JANUARI 2024 - Pada hari ketiga lawatan kerja ke Sabah, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga Dan Daya Guna Awam telah meninjau Projek Pembangunan di Labuan.

Ia melibatkan pelaksanaan projek-projek bekalan air dan elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu:

- a) Sesi Taklimat Operasi Bekalan Air Labuan di Bahagian Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan;
- b) Lawatan ke Stesen Janakuasa Patau-Patau;
- c) Projek Penggantian Paip *Pumping* di Pulau Enoe WP Labuan (Reka Dan Bina) bernilai RM 7.9 juta yang dijangka siap pada tahun 2025;
- d) Pembinaan dua (2) buah tangki simpanan air di Bukit Besar dan Pemasangan Paip Air *Pumping* dari Pulau Enoe ke Bukit Besar serta kerja-kerja yang berkaitan di WP Labuan bernilai RM 68 juta yang dijangka siap pada tahun 2026;

- e) Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan sistem mekanikal dan elektrik di Loji Rawatan Air Jalan Kolam bernilai RM1 juta yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024; dan
- f) Lawatan ke Loji Rawatan Kumbahan (LEK) Ranca-Ranca.

Projek-projek yang dilaksanakan ini adalah bagi mempertingkatkan keupayaan liputan bekalan air bersih di Labuan untuk penggunaan industri dan juga domestik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM
21 JANUARI 2024**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763